

Headline	Ibu bapa dinasihat awasi anak terjebak pil dadah		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	28 Dec 2012	Color	Black/white
Section	Global	Circulation	324,097
Page No	77	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	91 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,869
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,606



## Ibu bapa dinasihat awasi anak terjebak pil dadah

**R** IYADH: Ibu bapa dan penjaga dinasihatkan supaya lebih berhati-hati terhadap pengedar dadah dan kumpulan yang mungkin menasarkan anak mereka ketika musim peperiksaan yang bakal menjelang.

Penolong Ketua Pengarah Hal Ehwal Pencegahan di Direktorat Awam Memerangi Dadah, Abdulillah Mohammed Al-Sharif berkata, kumpulan dadah akan cuba meyakinkan pelajar untuk mengambil pil dadah dengan mengatakan ia dapat membantu meningkatkan kepandaian mereka.

“Kumpulan ini cuba menarik perhatian generasi muda dengan mendakwa pil berkenaan dapat membantu mereka mengingati pelajaran dengan mudah,” katanya.

Abdulillah, seorang pakar

dalam dadah antarabangsa berkata, lebih 106 juta pil narkotik, terutama Captogen dirampas oleh pegawai kastam dan pasukan keselamatan sejak 18 bulan lalu.

“Ibu bapa perlu berjaga-jaga dengan simptom penyalahgunaan dadah untuk mengetahui sama ada anak mereka mengambil dadah atau tidak.

“Antaranya, tidak boleh tidur, keresahan, halusinasi, terlalu emosi, pucat, kurang selera makan, terlebih bercakap, nafas berbau dan bersikap agresif, katanya.

Abdulillah turut menasihatkan pihak berkuasa sekolah supaya memberi keutamaan memerangi dadah dan meningkatkan kesedaran di kalangan pelajar sekolah mengenai kesan pengambilan dadah. - Arab News